



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO. : QMS 00794



CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013  
CERT. NO. : ISMS 00150



CERTIFIED TO ISO 14001:2015  
CERT. NO. : EMS 00790



Rujukan Kami : UPM.BUR.100-1/6/3/B8(6)

Tarikh : 1 November 2019

### **PEKELILING BURSAR BIL. 3 TAHUN 2019**

#### **PELAKSANAAN PEROLEHAN KERTAS A4 PUTIH 80 GSM MELALUI KONTRAK PUSAT**

##### **Tujuan**

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan supaya semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) Universiti Putra Malaysia (UPM) melaksanakan perolehan kertas A4 putih 80 gsm (grams per square meter) mengikut harga yang ditetapkan selaras dengan peraturan di dalam PK2.1 – Kaedah Perolehan Kerajaan.

##### **Latar Belakang**

2. Pelaksanaan perolehan kertas melalui kontrak pusat telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Universiti Putra Malaysia pada mesyuarat Ke-633 pada 9 Februari 2018 dan telah dimaklumkan kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) melalui Pekeliling Bursar Bil. 2 Tahun 2018 bertarikh 5 Mac 2018.

3. Jawatankuasa Pengurusan Universiti Ke-687 pada 9 Oktober 2019 telah meluluskan pelaksanaan perolehan kertas A4 putih 80 gsm melalui kontrak pusat mengikut harga yang telah ditetapkan selaras dengan peraturan di dalam Pekeliling Perbendaharaan PK2.1 – Kaedah Perolehan Kerajaan.

3. Pihak Perbendaharaan Malaysia telah melantik syarikat NKS Systems Sdn. Bhd. Untuk membekal kertas putih 80 GSM dengan harga RM10.75 satu rim untuk tempoh dua (2) tahun mulai 1 Mac 2017 hingga 28 Februari 2019.
4. Walaubagaimanapun pihak Perbendaharaan telah melanjutkan tempoh kontrak pusat kepada syarikat NKS Systems Sdn. Bhd. selama dua (2) tahun lagi mulai **1 Mac 2019 hingga 28 Februari 2021** dengan harga yang baharu iaitu RM12.40 satu rim. Harga di bawah kontrak ini adalah harga bersih termasuk kos pembungkusan, kos penghantaran dan fi e-Perolehan dan pesanan minimum bagi satu penghantaran adalah lima puluh (50) rim.

#### **Pesanan Belian**

5. Semua pesanan belian hendaklah dibuat terus kepada syarikat dengan menggunakan sistem e-Perolehan atau secara manual.
6. PTJ adalah dibenarkan untuk membuat perolehan daripada mana-mana syarikat selepas kajian pasaran dilakukan bagi keperluan kurang daripada 50 rim. Walaubagaimanapun PTJ adalah dilarang untuk memecah kecil perolehan ini dan perolehan kertas hendaklah dirancang dengan baik.
7. Sila hubungi Bahagian Kewangan Pengurusan Perolehan, Pejabat Bursar di talian **03-9769 3563/6239/6219** jika terdapat sebarang pertanyaan.
8. Kerjasama Y.Bhg. Datuk/Dato'/Datin Paduka/Datin/Tuan/Puan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“BERILMU BERBAKTI”**

Saya yang menjalankan amanah,



(Zulkiflee Bin Othman)  
Bursar

***Edaran:***

Semua Ketua  
Pusat Tanggungjawab  
Universiti Putra Malaysia  
SERDANG/BINTULU

